

# Dadah lebih 2 tan dalam bungkusan teh Cina

Maritim rampas methamphetamine RM105.9 juta dalam bot rekreasi

Oleh Zuhainy Zulkifli  
bhnews@bh.com.my

**Georgetown:** Agensi Penguasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Pulau Pinang mematahkan cubaan menyeludup 2,118 kilogram (kg) dadah bernilai RM105.9 juta di Perairan Pulau Kendi, Teluk Kumbar di sini, 9 Disember lalu.

Ketua Pengarah Maritim Malaysia, Laksamana Maritim Datuk Mohd Zubil Mat Som, berkata dadah jenis methamphetamine itu dirampas dalam bot rekreasi yang dikendalikan jurumudi warga

tempatan berusia 26 tahun.

Katanya, Maritim Malaysia mengesan pergerakan bot berkenaan dalam keadaan mencurigakan pada jam 11.30 pagi sebelum mengarahkannya berhenti.

Bagaimanapun, jurumudi mecut bot sebelum terjun ke laut selepas dikejar anggota Maritim Malaysia selama 30 minit.

"Lelaki itu kemudian ditahan di kedudukan 5.3 batu nautika selatan Pulau Kendi, manakala bot yang bergerak tanpa pengemudi itu turut dihentikan.

"Pemeriksaan dalam bot terbaik menemui sebanyak 130 guni



**Mohd Zubil (tengah) menunjukkan methamphetamine yang dirampas pada sidang media di Maritim Malaysia Pulau Pinang, Georgetown, semalam.**  
(Foto Danial Saad/BH)

berisi 1,998 bungkusan teh Cina mengandungi hablur kristal dipercayai methamphetamine," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Mohd Zubil berkata, siasatan mendapati suspek bergerak dari Sungai Juru menaiki bot kosong ke Pulau Kendi dan menukarannya dengan bot berisi dadah sebelum kembali ke Sungai Juru.

Katanya, ini kali ketiga suspek

membawa bekalan dadah selepas Oktober dan November lalu dengan upah sebanyak RM5,000 bagi setiap penghantaran 500kg.

"Bagi penghantaran terakhir ini, suspek diberi upah RM10,000 dan bekalan dipercayai untuk pasaran Indonesia.

"Kita sedang menyiasat bagaimana bot berisi bekalan dadah itu boleh masuk ke negara ini.

"Kita juga menyiasat kaitan kes

dengan rampasan dadah bernilai RM10.53 juta di 3.0 batu nautika barat daya Pulau Betong, di sini, pada 3 Disember lalu," katanya.

Katanya, bot rekreasi bersama dua enjin sangkut bernilai RM150,000 yang digunakan suspek dirampas, manakala suspek direman tujuh hari bermula 10 Disember dan disiasat mengikut Seksyen 39(b) Akta Dadah Berbahaya 1952.